

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: PERPATI
Sent: 28 Mac 2016 10:42
To: UUM - All Staff; Persatuan - Pegawai Iktisas
Cc: PERPATI
Subject: Tautan Kasih PERPATI Lahir Jiwa Bersatu



Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PERPATI)
Universiti Utara Malaysia
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok, Kedah Darul Aman.



Tautan Kasih PERPATI Lahir Jiwa Bersatu

Oleh : Musyaznie Mokhtar



SINTOK – Kesibukan tugas hakiki tidak menghalang ahli Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PERPATI) Universiti Utara Malaysia (UUM) bersatu untuk turun padang dalam menjayakan Majlis Jamuan Tautan Kasih PERPATI 2016 di Pusat Islam, UUM pada 24 Mac yang lalu.

Presiden PERPATI, Mejar Mohamad Ezanee Yazid berkata tujuan majlis diadakan untuk meraikan kehadiran ahli baharu dan memberi penghargaan buat ahli lama yang telah menyumbang jasa dalam PERPATI sebagai satu usaha untuk mengeratkan hubungan persaudaraan di kalangan ahli. “Majlis ini juga diadakan bagi meraikan staf Pegurusan dan Profesional (P&P) yang baru dinaikkan pangkat baru-baru ini. “Pelbagai manfaat diperoleh daripada penerapan nilai-nilai murni melalui aktiviti gotong-royong menyediakan juadah hidangan untuk santapan bersama,” katanya. Tambah beliau, aktiviti gotong-royong akan dijadikan sebagai salah satu aktiviti tahunan PERPATI.

Lebih kurang 150 orang ahli PERPATI telah hadir bagi bersama-sama memeriahkan majlis yang diadakan itu. Aktiviti sebegini dapat memupuk nilai kerjasama antara ahli untuk saling membantu, mewujudkan persefahaman dan perpaduan selain mengeratkan ikatan silaturahim.

Sekian.

Ahli Jawatankuasa PERPATI 2016-2018

